

## 55 ekor tenggiling mahu dibawa ke Thailand dirampas



**BUKIT KAYU HITAM** - Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) berjaya mematahkan cubaan seorang lelaki Thailand untuk menyeludup 55 ekor tenggiling dan 25 kilogram (kg) sisik haiwan itu ke Thailand semalam.

Lelaki berusia 45 tahun yang memandu kereta jenis Toyota Altis ditahan di sekatan Aksem di Kilometer 1.3 Lebuh Raya Utara-Selatan di sini pada pukul 2 petang semalam.

Komander Aksem negeri, Abd. Latif

**ABD. LATIF** (tiga dari kiri) menunjukkan jaring berisi tenggiling dan sisik haiwan itu yang dirampas di Bukit Kayu Hitam semalam.

Abd. Rahman memberitahu, hasil pemeriksaan di but kereta menemui sejumlah beg jaring berisi tenggiling dan sisik.

"Siasatan awal percaya lelaki itu mendapat upah untuk menyeludup keluar haiwan eksotik tersebut ke negara jiran untuk pasaran di negara tersebut atau China," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, semua tenggiling dan sisik yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM170,000.

"Semua barang rampasan dan suspek akan diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kedah untuk tindakan lanjut," tambahnya.

8/11  
KOSMO-3